



■ BAGI Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam untuk beberapa waktu, Datuk Musa menanam sebatang "tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula tempat bermain." pokok di perkarangan Dewan Serbaguna di situ. — Foto Berita Minggu oleh Chai Khian Chong. ■

# Musa: DEB tak ancam rakyat bukan Melayu

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam berharap seluruh rakyat akan menyokong, memahami serta menggerakkan bersama Kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, tanpa sokongan dari rakyat, cita-cita Kerajaan baru membangunkan negara tidak akan berhasil.

Datuk Musa bagaimanapun berkata, dalam jangka masa yang pendek rakyat menerima Kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr.

**KUALA LUMPUR, Sabtu.**

Mahathir yang yang benar-benar mahu melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan bagi

kepentingan rakyat.

Berucap di majlis sambutan Hari Raya Aidil Adha dan Deepavali anjuran Unit Taman Ibu Kota Perhambuan Masyarakat Gombak, dekat sini petang ini, Datuk Musa berkata, Kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir menekankan unsur-unsur bersama dan tidak menekankan unsur-unsur perkauman.

"Kerajaan menggembelingkan segala usaha berasaskan unsur-unsur bersama untuk kepentingan seluruh rakyat.

"Ini ialah kerana sabagai manusia biasa, kehendak dan cita-cita kita adalah sama," ujarnya.

Mengenai Dasar Ekonomi Baru (DEB), Datuk Musa menegaskan, ia tidak mengancam orang-orang bukan Melayu.

Katanya, dasar dan strategi dalam keadaan ekonomi negara ini yang sedang berkembang, memberi peluang kepada semua rakyat menikmati kemajuan dan pembangunan negara.

Seluruh rakyat menurut beliau perlu memahami dan menerima DEB dan terus berganding bahu supaya cita-cita Kerajaan tercapai.

Tambahnya, dalam negara majmuk seperti Malaysia, kita tidak ada alternatif melainkan bekerjasama antara satu sama lain.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia